



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PEMAKLUMAN PEMBUKAAN SEMULA KAUNTER-KAUNTER PERKHIDMATAN  
DI MAHKAMAH SELURUH MALAYSIA BERMULA 8 FEBRUARI 2021**

Bagi meningkatkan akses pemegang-pemegang taruh (*stakeholders*) dan orang awam kepada keadilan, YAA Ketua Hakim Negara memaklumkan bahawa kaunter-kaunter berikut di Mahkamah-Mahkamah seluruh Malaysia akan dibuka semula bermula 8 Februari 2021 (Isnin):

- i) Kaunter Pendaftaran;
- ii) Kaunter Surat Kuasa Wakil;
- iii) Kaunter Pesuruhjaya Sumpah; dan
- iv) Kaunter Biro Servis.

Sehubungan dengan itu, kerjasama orang awam adalah dimohon untuk memastikan Tatacara Operasi Standard Pencegahan Wabak Covid-19 Di Mahkamah Seluruh Malaysia yang telah diedarkan dipatuhi secara ketat. Adalah juga dimaklumkan bahawa bilangan kehadiran pelanggan di kaunter-kaunter ini adalah pada tahap minimum dalam satu-satu masa dan tertakluk kepada keluasan kawasan kaunter tersebut.

Terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya**

**Tarikh: 5 Januari 2021**